



NEWS CLIPPINGS



Headline : MGA anjur program didik bakal jurutera
Media : Utusan Malaysia Online
Day/Date : 29 December 2013
Page :
Links : http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20131230/dn_19/MGA-anjur-program-didik-bakal-jurutera

MGA anjur program didik bakal jurutera



SEBAHAGIAN daripada pelajar tahun tiga dan akhir bidang kejuruteraan mengikuti bengkel dua hari Prestige anjuran Persatuan Gas Malaysia di Melaka, baru-baru ini.

KUALA LUMPUR 29 Dis. - Bagi memastikan amalan kesihatan, keselamatan dan alam sekitar (HSE) sentiasa dititikberatkan oleh bakal graduan khasnya daripada bidang kejuruteraan, Persatuan Gas Malaysia (MGA) sentiasa menganjurkan program kesedaran berkaitannya.

Kali ini, seramai 64 mahasiswa enam buah universiti terpilih menyertai acara tahunan yang dikenali sebagai 'Praktikal Alam Sekitar, Keselamatan dan Bimbingan Perindustrian Untuk Pelajar Kejuruteraan' (Prestige) di Melaka, baru-baru ini.

MGA dalam kenyataannya berkata, fokus utama Prestige adalah untuk memberikan gambaran menyeluruh tentang amalan HSE dalam industri minyak dan gas.

Di samping itu katanya, program berkenaan akan memberi pemahaman berhubung kepentingan HSE dalam pengeluaran, penghantaran serta penggunaan produk minyak dan gas.

"Mahasiswa tahun ketiga dan akhir itu telah didedahkan dengan isu-isu sebenar serta cabaran yang dihadapi oleh industri minyak dan gas dalam negara supaya mereka peka dengan profesion tersebut.

"Antara aturcara Prestige ialah sesi perkenalan, praktikal, ceramah, taklimat, bengkel, pertandingan antara universiti serta lawatan ke kawasan kilang serta loji pemprosesan gas dan minyak," katanya.

Mengulas lanjut, MGA berkata, program itu mendapat kerjasama daripada ahli-ahlinya yang terdiri daripada Petronas, Shell, ExxonMobil, Gas Malaysia, Deleum dan Dialog.

Katanya, sebuah sesi taklimat berhubung peluang kerjaya di dalam dan luar negara turut dijayakan oleh penganjur melalui sesi perkenalan dengan wakil syarikat minyak dan gas.

"Wakil Universiti Malaya (UM) muncul sebagai pemenang cabaran Prestige 2013 berikutan pembabitan serta pemahaman cemerlang dalam semua sesi yang diadakan," katanya.